

# MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

1 JAM 15 MINIT

3767/1

EKONOMI

Kertas 1

## ARAHAN :

1. Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.
3. Jawab semua soalan.
4. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

NAMA : .....

TINGKATAN : .....

Kertas peperiksaan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

3767/1

[ Lihat halaman sebelah

- 1 Bidang ekonomi mengkaji bagaimana manusia
- A memenuhi kehendak berdasarkan lebih pendapatan
  - B mengoptimum output melalui penggunaan input yang terbatas
  - C meminimumkan kos daripada bekalan sumber modal yang banyak
  - D memilih projek pembangunan penting untuk memaksimum kebajikan
- 2 Gambar 1 menunjukkan contoh faktor pengeluaran dalam ekonomi.




Gambar 1

Pernyataan yang manakah betul tentang gambar tersebut?

- A Kreatif dalam menghasilkan produk baharu
  - B Terima ganjaran upah melalui bekerja sendiri
  - C Sumbangkan tenaga untuk mengeluarkan output
  - D Bersedia hadapi risiko ketidakpastian di pasaran
- 3 Apakah tujuan kerajaan membuat pilihan?
- A Mengatasi kekurangan input pengeluaran
  - B Mengoptimum keupayaan aset modal
  - C Mengutamakan kebajikan masyarakat
  - D Mempelbagaikan kegunaan keluaran

- 4 Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran dalam ekonomi.



Rajah 1

Pernyataan yang manakah betul tentang rajah di atas?

- A Lebih sumber berlaku pada kombinasi A dan D
  - B Kos lepas adalah 40 unit apabila perubahan titik A ke B
  - C Pengeluaran kasut lebih cekap pada titik C berbanding titik B
  - D Kombinasi titik ABCD menunjukkan wujudnya masalah pilihan
- 5 Sistem ekonomi kapitalis lebih baik daripada sistem ekonomi sosialis kerana
- A sumber ekonomi diagihkan secara adil
  - B penggunaan input pengeluaran lebih cekap
  - C wujud keseimbangan dalam agihan pendapatan
  - D kaedah pengeluaran barang yang berskala besar

6 Pasangan yang manakah betul?

|   | Masalah Asas Ekonomi           | Keterangan                                                                |
|---|--------------------------------|---------------------------------------------------------------------------|
| A | Apa yang hendak dikeluarkan    | Diselesaikan dengan tujuan untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna |
| B | Berapa yang hendak dikeluarkan | Dikeluarkan melalui penggabungan faktor pengeluaran secara optimum        |
| C | Bagaimana hendak dikeluarkan   | Diselesaikan melalui corak agihan pendapatan                              |
| D | Untuk siapa dikeluarkan        | Dikeluarkan bergantung kepada harga relatif faktor pengeluaran            |


7 Pernyataan yang manakah betul tentang penyelesaian masalah teknik pengeluaran bagi sistem ekonomi kapitalis?

- A Minimumkan kos pengeluaran dalam setiap unit penggunaan input
- B Membuat pengagihan produk mengikut kuasa beli masyarakat
- C Menentukan jumlah output berdasarkan mekanisma pasaran
- D Memilih keluaran yang dapat penuhi permintaan pengguna

8 Antara berikut, yang manakah betul tentang keluk penawaran individu?

- I Hubungan di antara harga dengan kuantiti secara langsung
  - II Keluk akan beralih ke kanan apabila upah buruh meningkat
  - III Bentuk keluk lebih landai berbanding keluk penawaran pasaran
  - IV Perubahan dalam kuantiti ditawarkan akibat perubahan harga barang itu
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV


- 9 Rajah 2 menunjukkan perubahan permintaan terhadap suatu barang.



Rajah 2

Apakah yang menyebabkan perubahan permintaan tersebut?

- A Jangkaan harga barang akan naik
  - B Kadar cukai pendapatan meningkat
  - C Jabatan Kastam menaikkan duti eksais
  - D Harga barang penggenap semakin tinggi
- 10 Rajah 3 menunjukkan keluk permintaan individu A ( $D_A D_A$ ) dan B ( $D_B D_B$ ) dalam pasaran.




Rajah 3

Pernyataan yang manakah betul tentang rajah di atas?

- A Pada tingkat harga RM8 permintaan pasaran sebanyak 40 unit
- B Kecerunan keluk permintaan pasaran lebih landai berbanding keluk  $D_A D_A$
- C Keseimbangan pasaran berlaku pada titik persilangan keluk  $D_A D_A$  dengan  $D_B D_B$
- D Permintaan pasaran meningkat kepada 100 unit kesan penurunan harga ke RM4

- 11 Rajah 4 menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran bagi suatu barang.



Rajah 4

Pernyataan yang manakah betul tentang rajah di atas?

- A Lebih permintaan sebanyak 10 unit apabila titik keseimbangan berubah dari  $E_0$  ke  $E_1$
  - B Peralihan keluk  $S_0$  ke  $S_1$  disebabkan oleh perubahan harga barang itu sebanyak RM4
  - C Kuantiti bertambah dari 20 ke 30 unit kesan kejatuhan harga keseimbangan ke RM8
  - D Titik keseimbangan  $E_1$  terbentuk kesan peningkatan penawaran sebanyak 30 unit
- 12 Jadual 1 menunjukkan peratus perubahan kuantiti dan harga diminta suatu barang.

| Jenis barang | Peratus perubahan kuantiti | Peratus perubahan harga |
|--------------|----------------------------|-------------------------|
| Q            | 10                         | 12                      |

Jadual 1

Pernyataan yang manakah betul tentang barang tersebut?

- A Contoh barang ialah kereta mewah
- B Terdapat banyak pengganti dalam pasaran
- C Naikkan harga untuk tingkatan jumlah hasil
- D Pengguna lebih responsif terhadap perubahan harga

- 13 Jadual 2 menunjukkan harga dan kuantiti ditawarkan bagi barang X.


| Harga (RM) | Kuantiti ditawarkan (unit) |
|------------|----------------------------|
| 15         | 350                        |
| 10         | 200                        |

Jadual 2

Berapakah keanjalan harga penawaran jika harga berubah daripada RM15 kepada RM10?

- A 0.67
- B 0.75
- C 1.29
- D 1.50

- 14 Gambar 2 menunjukkan contoh media yang digunakan dalam kegiatan ekonomi.



Gambar 2

Pernyataan manakah yang betul tentang gambar di atas?

- A Merupakan wang sah dalam urusan niaga
- B Patuhi penetapan sandaran minimum
- C Alat pertukaran yang diterima umum
- D Dikenakan caj atas perkhidmatan

- 15 Maklumat berikut berkaitan tindakan bank pusat dalam ekonomi.

Mengubah kadar rizab bagi mengawal kadar inflasi yang boleh menjejaskan kuasa beli pengguna dalam ekonomi.

Apakah fungsi bank pusat yang berkaitan dengan tindakan tersebut?

- A Jurubank kepada kerajaan
  - B Mengawal bekalan mata wang
  - C Jurubank kepada bank perdagangan
  - D Mengawal kestabilan nilai mata wang
- 16 Pernyataan manakah yang betul tentang deposit tetap?
- A Faedah dibayar setelah sampai tempoh matang
  - B Mendapat kemudahan pinjaman melebihi baki akaun
  - C Pemegang akaun menerima penyata bank setiap bulan
  - D Mempunyai satu tempoh masa simpanan dalam setahun
- 17 Apakah kelebihan melakukan pembayaran secara tunai?
- A Pembayaran untuk barang mewah mudah dibuat
  - B Melahirkan sikap berbelanja secara berhemah
  - C Dapat menikmati khidmat selepas jualan
  - D Risiko kehilangan wang adalah rendah

- 18 Gambar 3 menunjukkan contoh pekerjaan dalam ekonomi.



Gambar 3

Apakah faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan tersebut?

- A Dapat menikmati faedah sampingan
  - B Tempoh masa bekerja yang fleksibel
  - C Pulangan yang tetap diperoleh setiap bulan
  - D Bebas daripada risiko ketidakpastian pasaran
- 19 Jadual 3 menunjukkan potongan wajib dan perbelanjaan oleh Encik Hassan pada suatu bulan.

| Butiran            | Jumlah (RM) |
|--------------------|-------------|
| Zakat              | 150         |
| Bil-bil utiliti    | 180         |
| Makanan & minuman  | 450         |
| Cukai pendapatan   | 220         |
| Insurans kenderaan | 550         |
| Tabungan           | 800         |

Jadual 3

Berapakah pendapatan boleh guna Encik Hassan pada bulan tersebut?

- A RM920
- B RM1 060
- C RM1 180
- D RM1 980

- 20 Apakah kepentingan individu menyediakan belanjawan peribadi?
- A Menyedia perbelanjaan bagi potongan wajib
  - B Menyelaras jumlah bayaran tunggakan hutang
  - C Merancang peruntukan pelaburan masa depan
  - D Memperuntuk sejumlah baki bagi kegunaan hari tua
- 21 Pernyataan yang manakah betul tentang input tetap?
- A Firma beroperasi dalam jangka masa pendek
  - B Berubah mengikut perubahan keluaran
  - C Wujud apabila pengeluaran bermula
  - D Contoh ialah bahan mentah
- 22 Tindakan yang manakah berlaku dalam jangka masa pendek?
- I Menambah stok bahan mentah
  - II Membesar tapak operasi kilang
  - III Menyedia mesin berteknologi tinggi
  - IV Mengambil pekerja baharu dari luar negara
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 23 Manakah antara yang berikut berkaitan proses pengeluaran?
- A Kegiatan menghasilkan pelbagai faktor pengeluaran
  - B Tindakan membekalkan input dalam aktiviti pengeluaran
  - C Penggabungan sejumlah input untuk menghasilkan barangan
  - D Kediaan pengeluar menghadapi risiko ketidakpastian pasaran

- 24 Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran buku bagi Firma ZT.

|               |         |
|---------------|---------|
| • Kos Tetap   | RM50.00 |
| • Kos Berubah | RM30.00 |
| • Kos Purata  | RM2.00  |

Berapakah jumlah keluaran firma tersebut?

- A 30 unit  
B 40 unit  
C 50 unit  
D 80 unit
- 25 Pernyataan yang manakah betul tentang untung?
- A Berhubung secara langsung dengan harga dan kuantiti jualan di pasaran  
B Ganjaran kepada faktor yang memproses output untuk dijadikan barang siap  
C Wujud apabila jumlah kos pengeluaran lebih kecil daripada penerimaan hasil  
D Merupakan jumlah nilai yang diterima oleh firma hasil daripada jualan produk
- 26 Manakah yang betul tentang eksternaliti positif?
- A Kesan sampingan yang dinikmati oleh pengguna daripada aktiviti pengeluaran  
B Faedah kepada masyarakat tanpa melibatkan bayaran kepada pihak lain  
C Meningkatkan keupayaan penghasilan barangan dalam pasaran  
D Harga lebih rendah kerana tidak mengambil kira kos luaran
- 27 Apakah peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar agar tidak mengeksploitasi pengguna?
- A Menyediakan barang awam yang tidak mampu disediakan oleh pengeluar  
B Melaksanakan dasar harga maksimum untuk menjamin kebajikan masyarakat  
C Memberikan subsidi bagi menggalakkan penggunaan teknik yang lebih mesra alam  
D Mewujudkan monopoli semula jadi bagi mengelakkan penguasaan pasaran oleh swasta

- 28 Maklumat berikut berkaitan dengan penetapan syarat sewa beli oleh bank perdagangan.

|                     |              |
|---------------------|--------------|
| ■ Pinjaman maksimum | 80%          |
| ■ Tempoh kredit     | 6 tahun      |
| ■ Kadar faedah      | 6.5% setahun |

Tindakan yang manakah betul tentang syarat sewa beli tersebut untuk mengawal inflasi?

|   | Pinjaman maksimum | Tempoh kredit | Kadar faedah |
|---|-------------------|---------------|--------------|
| A | 70%               | 7 tahun       | 6%           |
| B | 75%               | 5 tahun       | 7%           |
| C | 85%               | 7 tahun       | 6%           |
| D | 90%               | 5 tahun       | 7%           |

- 29 Bagaimanakah kerajaan mengawal kemelesetan ekonomi melalui dasar fiskal?

- I Menurunkan kadar cukai pendapatan individu
- II Meningkatkan projek infrastruktur luar bandar
- III Memperkenalkan cukai tak langsung yang baharu
- IV Mengurangkan projek pembangunan yang tidak produktif

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 30 Apakah tindakan melalui dasar kewangan dapat meningkatkan bekalan wang dalam ekonomi?
- A Memanjang tempoh bayar balik pinjaman
  - B Meningkatkan nisbah rizab berkanun
  - C Menaikkan kadar faedah pinjaman
  - D Menjual surat jaminan kerajaan

- 31 Pasangan yang manakah betul tentang perbelanjaan pembangunan kerajaan?

|   | Sektor               | Contoh                                        |
|---|----------------------|-----------------------------------------------|
| A | Keselamatan          | Membeli kelengkapan pejabat untuk kem tentera |
| B | Pentadbiran am       | Menyiapkan rumah kediaman anggota bomba       |
| C | Perkhidmatan sosial  | Peningkatan kemahiran doktor pakar bedah      |
| D | Perkhidmatan ekonomi | Pembayaran naik taraf infrastruktur ICT       |

- 32 Antara berikut, yang manakah merupakan kepentingan pertukaran asing kepada sesebuah negara?
- I Membiayai bagi mendapatkan produk negara luar
  - II Membolehkan negara asing mengimport barangan
  - III Memudahkan kedatangan pelancong asing
  - IV Membayar balik pinjaman luar negara
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 33 Situasi yang manakah menunjukkan eksport tak nampak negara?
- A Ana Beauty memasarkan produk kecantikan di ekspo perniagaan Tokyo
  - B Encik John Olieet menginap di Hotel Seri Putra semasa melancong ke Melaka
  - C Firma ABC menghantar pegawainya menjalani latihan kejuruteraan di Jerman
  - D Pekerja Indonesia menghantar wang sara hidup untuk keluarganya di Sumatera
- 34 Situasi yang manakah menyebabkan berlakunya permintaan ke atas Ringgit Malaysia?
- A Syarikat Nissan Jepun membekalkan alat ganti ke kilang pemasangan di Rawang
  - B Encik Nabil melawat anaknya yang sedang belajar di Boston, Amerika Syarikat
  - C Selangor FC menghantar pemain untuk menjalani latihan di London, England
  - D Arab Saudi meningkatkan permintaan buah-buahan segar dari Malaysia

**Soalan 35 hingga Soalan 40** berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

| Pilihan | Pernyataan I | Pernyataan II |
|---------|--------------|---------------|
| A       | Betul        | Salah         |
| B       | Salah        | Betul         |
| C       | Salah        | Salah         |
| D       | Betul        | Betul         |

- 35 I Kerajaan membuat pilihan kerana menghadapi masalah kekurangan sumber hasil negara.
- II Pilihan keluaran terbaik yang dibuat oleh kerajaan untuk memaksimumkan kebajikan rakyat.
- 36 I Upah benar merupakan ganjaran yang diterima oleh buruh kerana bekerja dengan majikan.
- II Semakin tinggi upah benar semakin banyak jumlah barang yang dapat dimiliki.
- 37 I Overdraf merupakan kemudahan pinjaman jangka panjang yang disediakan kepada pemegang akaun semasa.
- II Overdraf membolehkan pemegang akaun mengeluarkan wang melebihi baki simpanan.
- 38 I Kerajaan menggunakan dasar kewangan mengembang untuk mengawal deflasi dalam negara.
- II Tindakan kerajaan menaikkan nisbah rizab berkanun merupakan pelaksanaan dasar kewangan mengembang.
- 39 I Sumber hasil kerajaan terdiri daripada cukai langsung dan cukai tak langsung.
- II Cukai langsung merupakan cukai yang perlu dibayar terus oleh pembayar cukai kepada kerajaan.
- 40 I Globalisasi merupakan proses interaksi dan integrasi antara unit ekonomi pelbagai negara.
- II Globalisasi akan menghalang pergerakan buruh melintasi sempadan antara negara yang terlibat.